


Khairy nafi kahwini Maya Karin

KOTA BHARU 4 Ogos - 'Sumpah demi Allah isteri saya hanya seorang, iaitu Nori Abdullah,' tegas Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin bagi menafikan dakwaan beliau telah berkahwin dengan pelakon dan penyanyi, Maya Karin.

Menurutnya, serangan yang dilemparkan terhadapnya begitu peribadi dan sebagai seorang yang bermaruah, fitnah itu perlu diperjelaskan terutama kepada anggota parti.

"Saya kesal macam mana cerita fitnah ini boleh timbul hinggan apabila saya tanya kepada Ketua Pemuda UMNO Kelantan, Dali Hussin apabila turun dari kapal terbang hari ini. apa cerita menarik di Kota Bharu sekarang, dia kata, cerita yang hangat, cerita *yon* kahwin dengan artis Maya Karin.

"Saya tak tahulah mana datang semua ini. Isteri saya hanya seorang itu sahajalah. Saya bukan jenis teringin tapi takut, saya memang tak teringin pun," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 500 perwakilan yang hadir ketika beliau



KHAIRY JAMALUDDIN

merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Datuk

Dr. Nik Mohd. Zain Omar dan Dali Hussin yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian.

Khairy tidak menolak punca banyak fitnah dilempar ke atasnya kerana ada pihak melihat beliau sasaran yang mudah ekoran kedudukannya sebagai menantu Perdana Menteri.

Tidak berani serang Perdana Menteri, serang menantu. Sebab itu ahli-ahli Pemuda perlu tengok fakta dahulu sebelum hendak mempercayai cerita-cerita yang datang dari pelbagai sumber sekarang.

Tanya pemimpin kita, hantar SMS (khidmat pesanan ringkas.) kepada saya pun tak apa untuk pastikan sesuatu berita.

"Bukan senang hendak membina keyakinan tetapi untuk meruntuhkan adalah sangat mudah," tambahnya.

Sehubungan itu Khairy menegaskan, beliau tidak akan berdiam diri lagi terhadap pelbagai tohmahan dan fitnah yang dilemparkan pelbagai pihak ke atasnya.

Menunitnya, beliau akan menggunakan peluang merasmikan lebih dari 30 persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO bahagian di seluruh negara sebagai *platform* untuk menjawab dan menjelaskan segala tuduhan tersebut.

Beliau berkata, bukan berniat untuk berperang dengan sesiapa tetapi baginya, beliau tidak lagi boleh berdiam diri kerana jika tidak, ia akan melemahkan Pemuda UMNO sendiri disebabkan serangan-serangan itu sudah berunsur peribadi.

"Kalau ada jawapan saya yang menyinggung perasaan mana-mana pihak, saya minta maaf. Tujuan saya bukan hendak berperang, kerana saya tabu itu hanya akan melemahkan parti.

"Namun kerana masa yang sesuai sudah tiba melalui *platform* mesyuarat perwakilan Pemuda bahagian Saya perlu jelaskan supaya ahli-ahli kita mengetahui perkara yang sebenar dan akhirnya Pemuda ada jawapan untuk menangkis segala tuduhan ini," katanya.